



**KURSUS KEUSAHAWANAN KEMAHIRAN PEMROSESAN MAKANAN
PUSAT LATIHAN INDUSTRI ASAS TANI (PL-IAT) SEMENGGOK
JABATAN PERTANIAN SARAWAK**

PENGENALAN

Jabatan Pertanian Sarawak menawarkan Kursus Keusahawanan Kemahiran Pemprosesan Makanan di Pusat Latihan Industri Asas Tani (PL-IAT) bagi **Sesi 2020**. Tujuan kursus adalah untuk melahirkan usahawan muda yang menceburkan diri secara serius dalam perusahaan pemprosesan makanan.

Kursus akan dijalankan secara *hands-on* untuk memastikan peserta benar-benar mahir dari segi teknikal pengeluaran produk yang bermutu, bernilai komersil dan menepati standard Amalan Pengilangan Yang Baik (GMP). Peserta juga akan didedah dan dibimbing dengan kaedah menjalankan perniagaan yang profesional terutama dalam aspek keusahawanan, pengurusan kewangan, pengurusan pemasaran dan penyediaan Rancangan Perniagaan. Dalam masa yang sama, peserta akan menjalani program dampingan di premis usahawan yang telah maju di bawah bimbingan Jabatan Pertanian atau di premis swasta yang menjalani perusahaan yang serupa.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- Warganegara Malaysia
- Berumur 18-40 tahun
- Jantina lelaki dan perempuan
- Berkelulusan sekurang-kurangnya SPM/SPMV
- Lulusan Institut Pertanian dan siswazah IPT
- Tinggal di asrama sepanjang tempoh kursus
- Sihat tubuh badan dan tidak menghidap penyakit berjangkit
- Berminat untuk meneruskan projek selepas tamat kursus

PENGAMBILAN PESERTA

Pengambilan peserta dibuat setahun sekali.

Tempoh kursus adalah selama enam (6) bulan secara sepenuh masa.

KEMUDAHAN DISEDIAKAN

- Makan minum
- Tempat tinggal
- Elaun latihan

CARA-CARA MEMOHON

Iklan akan dikeluarkan melalui Jabatan Pertanian Sarawak, Jabatan Pertanian Bahagian/Daerah dan Institut Pertanian serta di akhbar-akhbar tempatan dalam bulan Januari 2020.

Borang permohonan boleh diperolehi melalui alamat di bawah:

Laman web Jabatan Pertanian : www.doa.sarawak.gov.my atau

Jabatan Pertanian Ibu Pejabat (Bahagian Industri Asas Tani Dan Ekonomi Keluarga) / Pejabat Pertanian Bahagian / Pejabat Pertanian Daerah yang berhampiran.

Borang yang telah dilengkapkan hendaklah dihantar ke Pejabat Pertanian Bahagian/Daerah yang berdekatan. (untuk pengesahan Pejabat Pertanian Bahagian).

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Permohonan adalah dibuka **mulai 2 Januari 2020 dan tutup pada 31 Januari 2020.**

Hanya calon-calon yang memenuhi syarat sahaja akan dipanggil untuk temuduga.

PEGAWAI IBU PEJABAT YANG BOLEH DIHUBUNGI

Puan Rahayah Binti Yahod / Puan Annie Anak Gandin
Tel.: 082-610363 / 082-610362